

ANALISIS PENGARUH UNSUR FIQH TEMPATAN DALAM KITAB *AL-SIRAT AL-MUSTAQIM* KARYA SHAYKH NUR AL-DIN AL-RANIRI

(An Analysis of the Influence of Local Elements of Fiqh in Nur al-Din al-Raniri's Al-Sirat al-Mustaqim)

Jamalluddin Hashim

jamalluddin@unisza.edu.my

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin

Abdul Karim Ali

abdkarim66@gmail.com

Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

Hasanulddin Mohd

hasandin@unisza.edu.my

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak

Makalah ini bertujuan meneliti pengaruh unsur fiqh tempatan yang terdapat dalam penulisan manuskrip kitab *al-Sirat al-Mustaqim* (Kitab *al-Taharah* dan *al-Salah*) karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri. *Al-Sirat al-Mustaqim* merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara. Seorang orientalis Barat pernah mendakwa bahawa karya ulama Melayu lebih berbentuk terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada kitab fiqh klasik yang ternama pada masa itu. Maka, matlamat kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah kebenaran dakwaan tersebut dengan menjadikan kitab *al-Sirat al-Mustaqim* sebagai teks kajian. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dengan tumpuan terhadap data berasaskan manuskrip *al-Sirat al-Mustaqim*. Data diproses secara kualitatif mengikut tema

khusus berdasarkan ilmu sejarah dan dikemukakan secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan wujudnya beberapa isu fiqh tempatan yang yang dinyatakan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dalam kitab *al-Sirat al-Mustaqim*. Penemuan ini membuktikan dan menunjukkan kepekaan beliau sebagai ulama terhadap suasana kehidupan masyarakat Melayu yang melibatkan hukum-hakam syarak. Hal ini secara tidak langsung menolak dakwaan orientalis tersebut.

Kata kunci: isu fiqh tempatan, *al-Sirat al-Mustaqim*, Shaykh Nur al-Raniri, kitab fiqh klasik, terjemahan

Abstract

This paper is a study of the influence of local elements of fiqh (jurisprudence) found in the manuscript of Al-Sirat al-Mustaqim (Kitab al-Taharah and al-Salah) by Shaykh Nur al-Din al-Raniri (d. 1068H). Al-Sirat al-Mustaqim is the first book of fiqh written in the Malay language in the Malay archipelago. A western orientalist has made the allegation that the works of Malay scholars are merely translations of famous classical texts on fiqh. Therefore, the objective of this study is to examine the truth of this allegation by means of a text study of Al-Sirat al-Mustaqim. This study was conducted using library research, with a focus on data from the manuscript of Al-Sirat al-Mustaqim. The qualitative data was processed according to specific themes based on historical knowledge and is presented in a descriptive manner. The results show that Shaykh Nur al-Din al-Raniri deals with of a number of local fiqh issues in Al-Sirat al-Mustaqim. This proves his sensitivity as a scholar to the requirements, where Islamic law is concerned, in the Malay community in which he lived. Hence, the allegations are negated.

Keywords: local fiqh issues, al-Sirat al-Mustaqim, Shaykh Nur al-Raniri, classical fiqh texts, translation

PENDAHULUAN

Al-Sirat al-Mustaqim karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri merupakan kitab fiqh berbahasa Melayu yang pertama sekali dikarang di Nusantara. Walaupun kitab ini hanya membicarakan tentang fiqh ibadat, namun tokoh ini merupakan perintis dalam penulisan kitab fiqh berbahasa Melayu. Selepas penulisan ini, muncul pelbagai karya fiqh yang dihasilkan oleh para ulama di Nusantara. Kemunculan *al-Sirat al-Mustaqim* amat signifikan kepada ummah Melayu pada masa itu sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan ibadat kepada Allah SWT. Sambutan yang diterima

terhadap kitab ini amat hebat sekali sehinggakan dianggap sebagai kitab yang paling berpengaruh dan berautoriti serta diguna pakai dengan meluas, terutamanya di Aceh, sehingga abad ke-19. Kitab ini juga diguna pakai secara meluas di seluruh Alam Melayu.

Al-Sirat al-Mustaqim merupakan hasil karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri yang dimulakan penulisannya ketika beliau berada di Pahang dan disudahi di Aceh. Beliau menyatakan bahawa penulisan kitab ini ditujukan kepada orang Melayu yang tidak mampu membaca kitab fiqh dalam bahasa Arab supaya mereka dapat mengambil manfaat dan pengajaran daripada kitab fiqh yang dikarangnya sebagai panduan untuk melakukan amal ibadat dalam kehidupan seharian.

Penulis dipengaruhi suasana persekitarannya semasa dia hidup. Dalam sejarah perkembangan fiqh Islam, telah berlaku satu era yang dikenali sebagai era taklid. Era taklid bermula pada penghujung kurun keempat hijrah dan berterusan sehingga era 1004H-1335H. Dalam tempoh masa yang dinyatakan ini, fenomena taklid dalam kalangan pengikut mazhab fiqh berlaku dengan sangat ketara. Suasana yang berlaku ini tentu sekali mempengaruhi ulama yang mengarang karya fiqh pada masa itu. Oleh itu, tidaklah menjadi satu keceleaan sekiranya para ulama di Nusantara secara umumnya dan Shaykh Nur al-Din al-Raniri secara khususnya mengarang ilmu fiqh dengan berpandukan kepada karangan fiqh ulama Shafi'iyah yang muktabar.

Sebagai seorang ulama yang berperanan menyampaikan ajaran agama Islam kepada masyarakat, Shaykh Nur al-Din al-Raniri telah menghuraikan di dalam kitab karangan beliau ini dasar hukum syariat Islam yang perlu diketahui oleh setiap muslim. Oleh sebab itu, kitab ini dikarang semasa beliau berada di kepulauan Melayu, tentu sekali beliau dapat melihat isu yang berlaku dalam kehidupan orang Melayu yang perlu dijelaskan tentang hukumnya. Sedangkan isu yang dilihat oleh beliau itu tidak dinyatakan secara khusus oleh para ulama Shafi'iyah berbangsa Arab dalam karangan fiqh mereka. Hal ini kerana wujudnya perbezaan pada tempat dan cara hidup orang Melayu yang menyebabkan timbulnya isu tersebut. Sebagai seorang ulama besar, beliau telah menjelaskan dalam kitab karangannya ini kedudukan hukum bagi isu tersebut berdasarkan skop perbincangan dalam Mazhab Syafii.

Tugas seorang ulama ialah menjelaskan kepada masyarakat tentang hukum-hakam syariat Islam supaya mereka dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT dalam keadaan yang jelas. Sebagai seorang ulama, kepekaan terhadap suasana dan isu yang berlaku dalam masyarakat dan ketegasan dalam menyatakan hukum adalah amat penting walaupun melibatkan golongan penguasa. Sebarang isu yang berlaku dalam masyarakat jikalau melibatkan batasan syariat Islam, maka perlu diterangkan hukumnya dengan sejelas-jelasnya kerana ulama bertanggungjawab terhadap ilmu yang diketahuinya.

Shaykh Nur al-Din al-Raniri menyatakan pada mukadimah *al-Sirat al-Mustaqim* bahawa penulisan kitab ini berbentuk terjemahan¹ daripada kitab fiqh karangan ulama Mazhab Shafii (al-Shafi‘iyyah) dalam bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Antara rujukan fiqh yang mendasari penulisan kitab ini ialah *Minhaj al-Talibin Wa ‘Umdah al-Muftin* oleh al-Nawawi, *Manhaj al-Tullab* dan *Fath al-Wahhab* oleh Zakariyya al-Ansari, *al-Anwar li A‘mal al-Abrar* oleh al-Ardabili, *‘Umdah al-Salik wa ‘Uddah al-Nasik* oleh Ibn al-Naqib, *Mughni al-Muhtaj ila Ma‘rifah Ma‘ani Alfaz al-Minhaj* oleh al-Khatib al-Sharbini dan tiga buah karangan fiqh Ibn Hajar al-Haytami, iaitu *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*, *Fath al-Jawwad Sharh al-Irshad* dan *al-Minhaj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah*. Beliau turut menyatakan bahawa penulisan kitab ini berdasarkan mazhab al-Imam al-Shafi‘i radiy Allah ‘anhu.²

Seorang orientalis Barat, M.B. Hooker pernah mendakwa bahawa karya ulama Melayu lebih berbentuk terjemahan ke dalam bahasa Melayu daripada kitab fiqh klasik yang ternama pada masa itu. Sarjana Nusantara dilihat tidak menghasilkan karya asli dan tidak memberikan apa-apa sumbangan baharu dalam bidang fiqh dan usul al-fiqh. Peranan mereka lebih terserlah dalam bidang penterjemahan karya Islam.³

Persoalannya, adakah dakwaan tersebut benar? Maka tujuan penulisan makalah ini adalah untuk melihat sejauh mana kebenaran dakwaan tersebut dengan menjadikan kitab *al-Sirat al-Mustaqim* sebagai teks kajian. Penulis melakukan analisis terhadap hukum fiqh yang dipengaruhi dengan unsur tempatan yang terdapat pada Kitab *al-Taharah* dan *al-Salah* dalam *al-Sirat al-Mustaqim*. Analisis yang akan dilakukan ini berfokus pada Mazhab Syafii sahaja.

ANALISIS PENGARUH UNSUR FIQH TEMPATAN DALAM KITAB *AL-SIRAT AL-MUSTAQIM*

Berdasarkan penelitian, pengaruh unsur fiqh tempatan ditemui dalam kitab *al-Sirat al-Mustaqim*. Antaranya termasuklah seperti yang berikut:

Hukum Penggunaan Rantai, Halkah dan Kepala Perkapuran Tembaga daripada Perak

Hukum penggunaan rantai, halkah dan kepala perkapuran tembaga daripada perak disentuh oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dalam perbincangan tentang penggunaan bekas daripada emas dan perak.

Antara permasalahan yang disebut oleh ulama Shafi‘iyyah dalam bab ini ialah hukum bekas yang dihiasi dengan rantai, halkah dan kepala (penutup) yang diperbuat daripada perak. Mereka menyebut perkara tersebut dengan kenyataan berikut:

(فَإِنْ جَعَلَ لِلْإِنَاءِ حَلْقَةً مِنْ فِضَّةٍ أَوْ سِلْسِلَةً مِنْهَا أَوْ رَأْسًا جَائِزًا)⁴

Maksudnya:

Adalah harus dibuat bagi sesuatu bekas akan halkah atau rantai atau kepala daripada perak.

Dalam *al-Sirat al-Mustaqim* pula, Shaykh Nur al-Din al-Raniri telah menterjemahkan kenyataan tersebut seperti yang berikut:

Dan demikian lagi, halal daripada perak diperbuat akan halkah, atau rantai pekapuran tembaga, atau akan kepalanya, dan barang sebagainya, jika sedikit, maka harus.⁵

Perkataan “pekapuran” di atas bermaksud bekas yang diperbuat daripada logam sebagai tempat mengisi kapur untuk disapu pada daun sirih.⁶ “Halkah” pula bermaksud gelang⁷ yang terdapat pada penutup bekas pekapuran tembaga tersebut dan badan pekapuran tersebut. Kedua-dua gelang tersebut dihubungkan dengan “rantai”. Pekapuran mempunyai pelbagai saiz dan bentuk seperti silinder, bujur, bulat, separa bulat, bersegi enam dan bersegi lapan. Pekapuran merupakan satu daripada komponen peralatan memakan sirih. Di sesetengah tempat, seperti




Rajah 1 Pekapuran.

Sumber: Sylvia Fraser-Lu, 1989. *Silverware of South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.

di Burma, pekapuran merupakan bekas yang popular untuk dijadikan cenderamata dalam kalangan ahli keluarga dan teman rapat.⁸

Reka bentuk pekapuran sebagaimana yang terdapat di Laos, Kampuchea, Thailand dan Malaysia ini menyamai dengan apa yang dinyatakan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri di atas. Namun begitu, Shaykh Nur al-Din al-Raniri menyatakan bahawa pekapuran yang halal digunakan diperbuat daripada tembaga, penutupnya dan badannya dihubungkan dengan rantai perak dalam kadar yang sedikit pada *'urufnya*. Penggunaan bekas pekapuran tembaga itu tidak dikira menggunakan rantai perak kerana bahan tersebut dikira berasingan daripada pekapuran itu.⁹ Sedangkan pekapuran yang diperbuat daripada perak ataupun pekapuran perak yang dihiasi dengan corak tertentu yang diperbuat daripada emas adalah jelas hukumnya haram digunakan. Kemungkinan besar pekapuran yang dinyatakan ini digunakan oleh pemakan sirih dalam kalangan bukan Muslim.

Berdasarkan kenyataan ini, perkataan “pekapuran” ini ialah olahan yang dilakukan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri daripada perkataan “الإناء” yang terdapat dalam teks rujukan fiqh yang digunakan oleh beliau untuk mengarang kitab *al-*



Rajah 2 Kawasan pemakan sirih.

Sumber: Dawn F. Ronney, 1993. *Betel Chewing Traditions In South-East Asia*. New York: Oxford University Press.

Sirat al-Mustaqim. Dalam Bahasa Arab perkataan “الإِنَاء” bermaksud bekas, bejana, penadah.¹⁰

Tradisi makan sirih dipercayai berasal dari benua India sejak 2000 tahun dahulu.¹¹ Setelah itu, tradisi ini telah tersebar secara meluas di beberapa tempat. Menurut kajian Dawn F. Ronney, tradisi makan sirih hanya terdapat dalam lingkungan kawasan yang tertentu sahaja. Bermula dari arah Barat di kawasan sepanjang pantai di Timur Afrika (termasuk Madagascar) hingga ke Tikopia (dalam gugusan kepulauan Santa Cruz) dari arah Timur. Dari arah Utara pula, bermula dari daerah selatan negara China hingga ke kepulauan Papua New Guinea, dari arah Selatan. Kawasan benua India, Sri Langka dan seluruh negara di Asia Tenggara termasuk dalam lingkungan kawasan ini.¹²

Hal ini jelas menunjukkan bahawa tradisi makan sirih ini tidak diamalkan dalam kalangan bangsa Arab. Maka, tentu sekali perkara ini tidak disebut oleh para ulama berbangsa Arab dalam karangan fiqh mereka. Sebagai seorang ulama besar, Shaykh Nur al-Din al-Raniri sangat peka dengan situasi tempatan. Lalu beliau telah memasukkan hukum menggunakan pekapuran tembaga yang dihiasi dengan perak pada halkah, rantai dan kepalanya dalam karangan beliau ini sebagai olahan semula perkataan “الإِنَاء” yang terdapat dalam teks asal rujukan fiqh beliau.

Hukum Memakai Pontoh, Dokoh, Seresari dan Dewangga

Hukum tentang penggunaan pontoh, dokoh, seresari dan dewangga dibincangkan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dalam bab tentang hukum pakaian. Dalam *al-Sirat al-Mustaqim*, ketika membincangkan permasalahan yang berkaitan dengan hukum pemakaian sutera dan barang kemas emas dan perak, Shaykh Nur al-Din al-Raniri telah menyebut beberapa bahan yang terdapat dalam lingkungan budaya tempatan yang mempengaruhi penulisan kitabnya ini. Antaranya, kenyataan beliau ketika membincangkan hukum pemakaian emas dan perak bagi lelaki:

Bermula, haram atas laki-laki dan khunsa yang akil baligh memakai emas dan perak seperti gelang atau **pontoh** atau **dokoh**.¹³

Ketika membincangkan tentang pemakaian sutera bagi lelaki dan khunsa pula, beliau menyebut dua jenis kain sutera:

Dan harus memakai **seresari**, atau **dewangga**, atau barang sebagainya, atau baju zirah¹⁴ emas, atau memakai kain yang kena najis, atau kulit bangkai yang belum disamak, atau kulit anjing dan babi sebab darurah, jikalau tiada ada lainnya akan gantinya, seperti tatkala pada peperangan yang sangat sergap.^{15 16}

Pontoh dalam teks tersebut bermaksud gelang besar daripada emas atau perak yang berukir naga atau merak yang dipakai di lengan di atas siku atau di atas pergelangan tangan.¹⁷ Perhiasan pontoh ini merupakan salah satu daripada komponen set persalinan lengkap yang dianugerahkan oleh raja kepada orang tertentu yang menepati makna “pakaian selengkap” atau “peralatan lengkap”. Penganugerahan peralatan perhiasan yang terdiri daripada hiasan dahi dan pontoh pada pangkal lengan diberikan berdasarkan pangkat dan status masing-masing pada sepatutnya. Penerima anugerah darjah yang tinggi seperti Bendahara dan anak raja disimbolkan melalui perhiasan pontoh bernaga emas permata. Antara jenis pontoh yang lain termasuklah pontoh bernaga dengan penangkal dan azimat, pontoh berpenyangga sahaja, pontoh diperbuat daripada halkah biru dan pontoh yang diperbuat daripada perak. Semakin



Rajah 3 Pontoh Bernaga.



Rajah 4 Pontoh Ular Lidi.

Sumber: Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, <http://sultan.perak.gov.my/bahasa/pontoh.htm>.

rendah status seseorang, semakin sederhana bentuk dan jenis perhiasannya. Tradisi ini berterusan dengan “pakaian selengkapnya” yang merupakan simbol keagungan, menunjukkan “pakaian kerajaan” yang indah-indah menyaluti tubuh. Selain itu juga pontoh merupakan pakaian kelengkapan bagi raja dan permaisuri.¹⁸ Dalam laman sesawang Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak terdapat dua jenis pontoh yang dipaparkan. Pertama pontoh bernaga, iaitu sepasang gelang emas berkepala naga yang disarungkan ke lengan kanan dan kiri Paduka Seri Sultan. Keduanya, pontoh ular lidi, iaitu sepasang gelang emas berbentuk kepala ular lidi dan dipakai di kedua-dua belah lengan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri. Kedua-dua pontoh ini dipakai oleh Paduka Seri Sultan dan Raja Permaisuri dalam istiadat rasmi kebesaran negeri.¹⁹

Alat perhiasan pontoh ini juga dipakai oleh pasangan pengantin yang diwarisi dalam Kerajaan Melayu Johor-Riau dan wilayah Melayu yang lainnya yang terdiri daripada dokoh, subang, keroncong, pending dan gendik.²⁰

Berdasarkan kajian, tradisi memakai pontoh merupakan warisan Jawa-Hindu. Didapati perhiasan ini tertera pada *relief* (ukiran timbul) candi khususnya di Borobudur dan Prambadan, Yogyakarta. Selepas kedatangan Islam, pemakaian kelengkapan perhiasan ini masih dikekalkan sebagai warisan dan sejarah budaya tradisi. Penggunaan perhiasan ini ketara sekali berlaku di Aceh yang masih memakai “sangga”, iaitu sejenis gelang yang dipakai di atas tangan yang disangga atau ditahan oleh *sakai* yang disebut juga sebagai *gleueng pucok reubong* atau *keutab*, dan dipakai untuk melengkapkan pakaian adat.²¹

Dokoh pula merupakan loket (liontin) yang berupa kepingan lebar daripada emas dan berhiaskan batu permata di tengahnya.²² Dokoh dicipta dengan menggunakan seutas rantai dan dihiaskan dengan beberapa reka bentuk sampingan yang dicantumkan pada tingkat pertengahan kiri dan kanan rantai. Di bahagian bawahnya pula disediakan kepingan yang bertingkat-tingkat ataupun hanya terdiri daripada satu atau dua keping sahaja. Kepingan dokoh ini biasanya dihiasi dengan corak yang bermotifkan daun sukun yang menggunakan pelbagai teknik. Antara teknik yang paling popular termasuklah pahat silat yang berunsurkan pelbagai variasi motif alam semula jadi. Dokoh dua tingkat dan tiga tingkat biasanya disusun dari atas hingga ke bawah dan dicantumkan dengan menggunakan rantai di kirinya dan di kanannya. Dokoh ini biasanya berbentuk tiga segi dan bercorak bulan sabit atau daun yang menarik. Sudah menjadi amalan tukang emas untuk merekacorakkan dokoh dengan pelbagai ragam hias dan ada antaranya bertatahkan batu permata yang berwarna-warni.²³

Dokoh tiga tingkat merupakan hiasan leher dan dada dan dipakai oleh pengantin perempuan dan juga pengantin lelaki dalam istiadat perkahwinan. Kebiasaannya

berbentuk bulat bagi lelaki dan menyerupai bulan sabit bagi perempuan. Dokoh seperti ini terdapat di seluruh Nusantara dan ada yang mengatakan bahawa dokoh telah diperkenalkan oleh orang India seolah-olah menggantikan kalungan bunga malai yang lazim dipakai oleh orang India. Dokoh dua tingkat dan tiga tingkat dibentuk dengan kepingan leper dan tidak begitu berat jika dibandingkan dengan dokoh yang hanya satu keping yang biasanya dalam bentuk tiga dimensi untuk membolehkan damar cair dituangkan ke dalamnya supaya menjadi tegap dan berat.²⁴

“Seresari” pula didefinisikan dalam kamus yang dirujuk oleh penulis dengan “sejenis kain”.²⁵ Maklumat terperinci tentangnya tidak diperoleh oleh penulis. Melalui semakan perkataan seresari dalam laman sesawang Malay Concordance Project,²⁶ perhiasan ini didapati telah disebut di dalam hikayat Melayu lama seperti *Hikayat Aceh*, *Bustan al-Salatin* dan *Syair Bidasari*. Melalui pengamatan penulis, seresari boleh dianggap sebagai sejenis kain yang berunsurkan kemewahan,



Rajah 5 Dokoh.

Sumber: Mohd Kassim Haji Ali. 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

diperbuat daripada sutera dan digunakan di istana raja dan juga dijadikan pakaian mewah sebagai penutup kepala gajah yang merupakan kenderaan bagi golongan raja dan bangsawan.²⁷

“Dewangga” pula didefinisikan dalam kamus yang dirujuk oleh penulis sebagai sejenis kain sutera halus bercorak indah, kebiasaannya coraknya biru atau kuning di atas warna dasar merah.²⁸

Kain dewangga dipercayai berasal dari India, Arab, Parsi dan China. Kain dewangga bererti kain yang indah untuk menutupi anggota badan dipakai oleh golongan raja dan bangsawan. Istilah dewangga umumnya merujuk sejenis kain yang bercorak indah (biru atau kuning di atas kain natar merah). Dengan penggunaan bahan tertentu disebut lengkap sebagai sutera dewangga atau baldu dewangga. Kain ini juga dikenali sebagai *ainulbanat* atau *kamkha*. Misalnya pada abad ke-14, China pernah mengiriskan bingkisan ke Melaka, iaitu sutera benang emas *kamkha* dewangga, yang bererti kain daripada benang sutera yang dihias dengan sulaman benang.²⁹

Dalam hikayat Melayu, dewangga ini digambarkan sebagai “pakaian yang indah-indah” yang didatangkan dari luar negara, berunsurkan kemewahan yang sering dipakai oleh raja-raja.³⁰

Berdasarkan fakta yang dinyatakan ini, pontoh, dokoh, seresari dan dewangga merupakan bahan yang terdapat dalam lingkungan budaya tempatan semasa Shaykh Nur al-Din al-Raniri mengarang kitab *al-Sirat al-Mustaqim*. Barangan tersebut dipakai oleh masyarakat pada ketika itu terutama sekali dalam kalangan raja-raja dan golongan bangsawan. Sebagai seorang ulama, beliau telah melaksanakan tanggungjawab menerangkan hukum Islam tentang penggunaan emas dan perak sebagai barang perhiasan dan pemakaian sutera. Tegas beliau, pemakaian pontoh dan dokoh yang diperbuat daripada emas atau perak merupakan sesuatu yang diharamkan bagi lelaki dan khunsa. Pemakaian seresari dan dewangga pula, menurut hukum asalnya adalah haram dipakai bagi lelaki dan Khunsa. Apabila berlaku keadaan darurat seperti peperangan yang berlaku secara tiba-tiba, maka para pejuang dibenarkan memakai seresari atau dewangga sebagai pakaian apabila tiada pakaian yang lain.

Hukum Arak Tempatan

Hukum tentang arak tempatan dibincangkan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dalam bab tentang benda najis. Najis menurut pengertian bahasa ialah (كل مستقذ) maksudnya “tiap-tiap sesuatu yang keji”. Najis menurut pengertian syarak ialah (كل مستقذر يمنع صحة الصلاة حيث لا مريض) maksudnya “tiap-tiap sesuatu yang keji

yang menghalang daripada sahnya sembahyang yang tidak ada rukhsah pada sesuatu yang keji tersebut”.³¹

Antara benda najis yang terdapat dalam senarai tersebut termasuklah khamar dan *nabidh*. Khamar menurut pengertian bahasa Arab ialah minuman yang memabukkan dan diproses daripada perahan buah anggur. Nabidh pula ialah minuman yang memabukkan, diproses daripada selain perahan buah anggur. Walaupun nabidh tidak dinyatakan dalam ayat pengharaman arak (*Surah al-Ma'idah* 5:10), tetapi ulama Shafi'iyah mengqiyaskan nabidh dengan khamar atas dasar persamaan kedua-duanya adalah cecair dan memabukkan. Berdasarkan ayat tersebut, khamar merupakan najis. Begitulah juga dengan minuman lain yang memabukkan.³² Dalam bahasa Melayu, minuman yang memabukkan biasanya disebut “arak”.³³

Sebahagian ulama Shafi'iyah ada menyatakan satu kaedah umum tentang perkara ini dengan: (كل مائع مسكر). Maksudnya: “tiap-tiap yang cair dan memabukkan”. Difahami dengan definisi ini bahawa setiap benda yang memabukkan dan bersifat cecair, najis dan haram diambil (makan/minum).³⁴

Dalam budaya Arab, arak pada kebiasaannya diproses daripada bahan seperti anggur, kurma, kismis, madu, gandum, barli, jagung dan beras.³⁵

Dalam *al-Sirat al-Mustaqim*, Shaykh Nur al-Din al-Raniri menyebut tentang tiga jenis minuman tempatan yang dihukumkan najis pada kenyataan berikut:

Bermula, segala najis itu yaitu segala yang cair, lagi memabukkan, seperti arak, dan tuak, dan kilang, dan barang sebagainya, dan anjing, dan babi, dan yang jadi daripada salah satu daripada keduanya dengan binatang yang suci jikalau dengan manusia sekalipun, dan air liurnya, dan peluhnya, dan air matanya, dan maninya, dan basah farajnya.³⁶

Perkataan arak dan *kilang* disebut sekali lagi ketika beliau membincangkan tentang tanggungjawab wali mendidik anak-anak:

Dan demikian lagi, wajib mengajar kanak-kanak segala hukum yang haram, seperti zina, dan liwat yaitu laki-laki samanya laki-laki, dan mencuri, dan minum arak, dan segala yang memabukkan jikalau kilang sekalipun, dan berdusta jikalau sedikit sekalipun, dan mengupat-ngupat, dan mengadu-ngadu, dan barang sebagainya.³⁷

Perkataan tuak disebut sekali lagi ketika membincangkan benda yang suci apabila berlaku proses perubahan zat (*istihalah*) :

Pertama: Tuak apabila jadi sendirinya cuka dengan tiada dicampurkan ke dalamnya barang suatu. Maka sucilah dengan bekas bajananya itu.³⁸

Dalam teks di atas, Shaykh Nur al-Din al-Raniri telah menyebut tiga jenis minuman yang memabukkan, iaitu arak, tuak dan *kilang*. Melalui rujukan terhadap beberapa kamus, arak didefinisikan sebagai semua jenis minuman yang mengandungi alkohol yang memabukkan.³⁹ Tuak pula ialah sejenis minuman yang dibuat daripada nira kelapa, enau dan lain-lain.⁴⁰ *Kilang* pula didefinisikan sebagai air tebu atau nira yang diasamkan sebelum menjadi tuak.⁴¹

Tuak merupakan minuman beralkohol tradisi yang popular dalam kalangan masyarakat asli atau bumiputera di Afrika dan Asia. Tuak pada asasnya merupakan sejenis minuman yang terhasil daripada pemeraman bahan tertentu. Jenis bahan tersebut bergantung pada suku kaum yang menghasilkannya. Kebiasaannya tuak diproses daripada nira kelapa, nira tar, nira enau (kabung), nira nipah, juga daripada tebu dan nanas. Di Asia, tuak daripada nira kelapa paling terkenal. Selain itu, sebahagian suku kaum di Asia juga memproses tuak daripada tapai pulut dan tapai ubi kayu.⁴²

Air nira merupakan cairan daripada seludang atau mayang pokok yang disadap hujungnya. Air nira mempunyai rasa yang manis dan menyegarkan. Air nira boleh digunakan sebagai minuman dan makanan untuk menghasilkan manisan, seperti gula melaka, tuak, arak dan cuka. Nira pokok palma mempunyai sifat yang istimewa terutama dari segi aroma dan rasa berbanding dengan gula merah daripada tebu.⁴³

Kilang pula, walaupun minuman ini masih belum bertukar sepenuhnya menjadi tuak, namun tanda awal untuk menjadi tuak kebiasaannya sudah kelihatan. Maka *kilang* juga haram diminum sebagai mengambil sikap berhati-hati dalam agama kerana dibimbangi ada tanda memabukkan. Jika ada, maka cecair ini dikira najis dan haram diminum.

Berdasarkan huraian ini, arak, tuak dan *kilang* menepati erti kata “tiap-tiap yang cair dan memabukkan”. Oleh sebab ciri “memabukkan” dan “cecair” terdapat pada tiga bahan ini, maka Shaykh Nur al-Din al-Raniri menjelaskan bahawa cecair ini haram untuk diminum walaupun diproses daripada bahan tempatan. Cecair ini juga dihukumkan sebagai najis yang menghalang daripada sahnya sembahyang jika terdapat pada badan, pakaian dan tempat sembahyang.

Hukum Beristinjak dengan Kitab yang Tidak Berguna pada Syarak

Hukum beristinjak dengan kitab yang tidak berguna pada syarak dibincangkan oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri dalam bahagian alat-alat untuk beristinjak. Istinjak menurut pengertian dari sudut bahasa Arab bermaksud melepaskan diri daripada sesuatu yang mengganggu. Menurut istilah syarak pula, menghilangkan sesuatu yang

keluar daripada faraj (qubul atau dubur) yang bersifat basah dengan menggunakan air atau batu.⁴⁴

Dalam *al-Sirat al-Mustaqim*, Shaykh Nur al-Din al-Raniri menghuraikan alat untuk beristinjak yang dihormati atau tidak dengan kenyataan berikut:

Dan tiada harus bersuci dengan sesuatu benda yang dihormat pada syarak, seperti tulang dan kulit yang belum disamak, atau barang sebagainya.

Tetapi harus istinja dengan kitab Tawrah dan Injil yang sudah berubah daripada asalnya. Dan demikian lagi, harus istinja' dengan kitab yang tiada berguna pada syarak, seperti *Hikayat Seri Rama*, dan *Inderaputra*, dan barang sebagainya, jika tiada di dalamnya nama Allah.⁴⁵

Teks di atas merupakan hasil olahan semula Shaykh Nur al-Din al-Raniri daripada sumber rujukan fiqh yang digunakan oleh beliau untuk mengarang kitab *al-Sirat al-Mustaqim*. Dalam teks *al-Sirat al-Mustaqim*, beliau telah menyatakan dua jenis kitab hikayat yang boleh dijadikan alat untuk beristinjak, iaitu *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Inderaputra* dengan syarat tiada di dalamnya nama Allah SWT.

Hikayat Seri Rama bersumberkan cerita *Ramayana* yang merupakan salah satu karya kesusasteraan Hindu. *Hikayat Seri Rama* dalam bahasa Melayu mempunyai pelbagai versi. Salah satu versinya mengisahkan tentang peperangan Seri Rama dengan Rawana untuk mendapatkan kembali isterinya Sita Dewi yang diculik olehnya. Dalam peperangan itu, Seri Rama telah dibantu oleh Hanuman, Laksamana adiknya dan penyokongnya. Peperangan tersebut berakhir dengan kemenangan bagi pihak Seri Rama, dan Sita Dewi dapat ditemui kembali.⁴⁶

Hikayat Inderaputra pula sebuah karya sastera yang lahir dalam zaman peralihan Hindu-Islam. Pengarangnya tidak diketahui, kecuali disebut bahawa hikayat ini dikarang oleh seorang fakir. Hikayat ini menceritakan tentang pengembaraan, percintaan dan peperangan. Watak utama dalam hikayat ini ialah Inderaputra. Dalam pengembaraannya, Inderaputra telah menempuh pelbagai cabaran. Peristiwa percintaan Inderaputra dengan puteri raja sering berakhir dengan perkahwinan. Sementara kisah peperangan antara Inderaputra dengan musuhnya sering dia memperoleh kemenangan kerana kesaktiannya dan mempunyai berbagai-bagai hikmat yang dapat menundukkan musuhnya.⁴⁷

Melalui pengamatan penulis, pendapat Shaykh Nur al-Din al-Raniri yang membolehkan dua kitab ini dijadikan alat untuk beristinjak berdasarkan qiyas yang beliau lakukan terhadap pandangan ulama Shafi'iyah yang membolehkan beristinjak dengan kitab Taurat dan Injil yang diketahui telah berlaku perubahan isi kandungannya daripada yang asal dan tiada di dalamnya nama-nama yang diagungkan, seperti

nama Allah SWT, malaikat, nabi dan lain-lainnya⁴⁸ Jika kitab Taurat dan Injil yang pada asalnya merupakan kitab suci yang turun dari langit boleh dijadikan alat untuk beristinjak dengan sebab berlaku perubahan padanya dan tiada di dalamnya nama-nama yang diagungkan apatah lagi dengan kitab *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Inderaputera* yang bersumberkan tamadun Hindu serta ajarannya. Sudah tentu terdapat di dalamnya unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam. Maka jelaslah bagi beliau bahawa dua kitab ini juga layak untuk dijadikan sebagai alat untuk beristinjak.

Walau bagaimanapun, dua kitab hikayat ini dalam sastera Melayu telah berlaku perubahan padanya. Kemungkinan besar perubahan yang dilakukan ini setelah dua kitab ini mendapat kecaman yang keras daripada Shaykh Nur al-Din al-Raniri ini. Bagi *Hikayat Seri Rama*, penceritaannya didapati telah menyimpang daripada isi cerita Ramayana asli di India. Kitab *Ramayana* di India mengandungi pemikiran agama Hindu yang menyentuh konsep *avatara*,⁴⁹ *dharma*,⁵⁰ *samsara*⁵¹ dan *mokhsya*.⁵² *Hikayat Seri Rama* dalam kesusasteraan Melayu pula memusatkan ceritanya pada kisah kebesaran raja-raja, tentang kesaktian dan kepahlawanan mereka dalam peperangan.⁵³

Perkara yang sama juga berlaku kepada *Hikayat Inderaputra*. Hikayat ini juga telah dimasukkan ke dalamnya unsur Islam. Usaha untuk memasukkan nama Allah SWT telah dilakukan oleh penulis Melayu bagi menggantikan tuhan Hindu, seperti Brahma, Vishnu dan Siva. Berdasarkan lakian yang dilakukan S.W.R. Mulyadi, terdapat perkataan Allah 3 kali, Allah Subhanahuwataala 4 kali, Tuhan 7 kali dan Wa Allah A'lam bi sawab 6 kali.⁵⁴ Di samping itu, terdapat watak berciri Islam dimasukkan bagi menggantikan watak Hindu, seperti Tahir, Johan, Jilani, Baharum Tabiq, Talela Shah, dan nama bagi tempat, seperti Bahrul Asyikin dan Bahrul Nahari. Walau bagaimanapun, ciri asal sebagai sebuah karya yang bercorak sastera Hindu masih lagi terdapat terutamanya tentang konsep dewa dan pemikiran yang lain yang terdapat dalam hikayat ini.⁵⁵

Hukum Sembahyang Sunat di Atas Rengga

Kedudukan hukum melakukan sembahyang sunat di atas rengga disentuh oleh Shaykh Nur al-Din al-Raniri ketika beliau membincangkan salah satu daripada syarat sah sembahyang, iaitu “mengadap kiblat”. Lihat kenyataan beliau di bawah:

Dan jikalau seseorang mengerjakan sembahyang di dalam perahu, atau rengga yang berhenti, maka wajiblah ia mengadap kiblat, dan mentamamkan rukuknya, dan sujudnya, dan sekalian rukunnya, atau setengahnya jika tiada dapat ia membawa semuanya.⁵⁶

Perkataan rengga dalam teks tersebut merujuk tempat duduk berkanopi yang dipasang di atas belakang gajah, kerbau dan unta. Selain rengga juga disebut dengan panggilan rangka, rangka dan ringga. Perkataan rengga berasal daripada bahasa Jawa kuno. Dalam bahasa Melayu disebut sebagai baluh atau beluhan. Dalam bahasa Arab disebut sebagai *hawdaj*. Perkataan *hawdaj* ini telah diserapkan ke dalam bahasa Inggeris dengan *howdah*.⁵⁷

Rengga yang dipasang di belakang gajah sering digunakan pada masa dahulu untuk membawa raja atau orang bangsawan, atau digunakan bagi memburu, atau dalam berperangan. Semasa pemerintahan kerajaan Melayu Melaka, khidmat gajah digunakan secara meluas ketika itu untuk tujuan tersebut. Semasa Melaka diserang Portugis pada tahun 1511, D'Albuquerque menceritakan bahawa Sultan Melaka ketika itu berperang dengan menunggang gajah untuk mempertahankan Kota Melaka.⁵⁸

Dalam hikayat Melayu, penggunaan rengga sering dikaitkan dengan gajah. Menunggang gajah pula hanya dikhaskan kepada golongan raja atau pembesar kerana penggunaan gajah melambangkan kemewahan dan status tinggi seseorang. Oleh sebab itu, kebiasaannya rengga dihiasi dengan indah dengan intan permata. Terdapat juga rengga yang dimiliki oleh para bangsawan ini diperbuat daripada logam yang mahal seperti emas. Dalam Sejarah Melayu, kerap kali diceritakan raja-raja menunggang gajah semasa pergi berburu atau pergi melawat negeri lain.⁵⁹



Rajah 9 Rengga.

Sumber: Wikipedia, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Rengga>

Seorang pengembara bernama Nicolaus de Graaff telah membuat satu catatan berhubung dengan upacara pengkebumian pemerintah Aceh, Sultan Iskandar Thani pada tahun 1641. Antaranya beliau menyatakan tentang kehadiran tidak kurang daripada 260 ekor gajah yang mengiringi perarakan pengkebumian tersebut. Gajah-gajah tersebut telah dipakaikan dengan pakaian yang indah. Sebahagiannya pula dipasangkan di atas belakangnya dengan rengga yang mewah.⁶⁰ Jika gajah berengga membawa orang kenamaan lelaki atau wanita, pada kebiasaannya rengga tersebut akan ditutupi dengan tirai.⁶¹

Berdasarkan fakta ini dapat disimpulkan bahawa dalam budaya Melayu, rengga merupakan tempat duduk berkanopi yang dipasang di atas belakang gajah. Gajah pula merupakan haiwan tunggangan bagi golongan kenamaan seperti raja-raja dan para bangsawan. Oleh sebab alat pengangkutan ini didapati telah digunakan dengan meluas ketika Shaykh Nur al-Din al-Raniri mengarang kitab fiqhnya ini, maka sebagai seorang ulama yang prihatin dengan persekitaran yang berlaku di sekelilingnya, beliau telah mencatatkan hukum yang berkaitan dengan rengga ini, iaitu kedudukan bersembahyang di atasnya. Dalam budaya Arab, penggunaan rengga ini hanya dikaitkan dengan haiwan unta. Perkataan yang selalu disebut oleh para ahli fiqh dalam karangan mereka, seperti *al-hawdaj*,⁶² *al-shuqduf*,⁶³ *al-mihaffah*,⁶⁴ dan *al-maharah*⁶⁵ kesemuanya merupakan rengga yang dipasang di atas belakang unta.⁶⁶ Keadaan ini berbeza daripada suasana di Nusantara yang penggunaannya lebih berkait rapat dengan haiwan gajah.

Oleh itu, Shaykh Nur al-Din al-Raniri telah menjelaskan dalam kitabnya itu cara melakukan sembahyang sunat di dalam rengga. Jika gajah tersebut berada dalam keadaan berhenti, maka orang yang berada di dalamnya boleh melakukan sembahyang sunat dengan menghadap kiblat serta menyempurnakan rukuk, sujud dan segala rukun sembahyang. Jika tidak mampu menyempurnakan segala rukun tersebut, memadai menyempurnakan sebahagian sahaja daripada rukun tersebut. Dengan mengikuti tatacara ini, maka sembahyang sunat ini dikira sah menurut hukumnya.

Untuk melakukan sembahyang fardu di atas rengga, ibadat ini dikira sah apabila dapat dilakukan segala rukun sembahyang dengan sempurna, sama ada haiwan tunggangan berada dalam keadaan berhenti ataupun dalam keadaan bergerak, tetapi dengan syarat terdapat seseorang yang mengawal haiwan tersebut supaya tidak terpesong daripada arah kiblat.⁶⁷

KESIMPULAN

Dalam meneliti isi kandungan *al-Sirat al-Mustaqim* ini, beberapa permasalahan fiqh yang menggambarkan wujudnya pengaruh unsur tempatan juga telah dapat ditemui.

Hal ini menunjukkan bahawa Shaykh Nur al-Din al-Raniri (m. 1068H) seorang ulama yang peka dengan suasana kehidupan masyarakat Melayu. Beliau telah menjelaskan isu tersebut dengan mempraktikkan dasar hukum yang telah dinyatakan oleh ulama Shafi'iyah dalam karangan mereka. Penemuan ini jelas menafikan dakwaan sesetengah orientalis yang menyatakan bahawa sarjana Melayu hanya cenderung kepada kerja terjemahan karya Islam berbahasa Arab.

Selain itu, sikap Shaykh Nur al-Din al-Raniri harus dicontohi oleh ulama semasa supaya sentiasa peka dengan isu semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Ulama semasa perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh menjelaskan hukum bagi isu tersebut berpandukan disiplin ilmu yang diakui syarak.

Dalam bidang kajian manuskrip, melakukan pengesahan teks yang ditahkikkan dengan teks asal rujukan pengarang akan dapat memberikan lebih keyakinan terhadap keabsahan teks yang ditahkik. Dalam masa yang sama, dengan meneliti teks yg ditahkik, pengkaji akan dapat menemui dan menyelongkar elemen keintelektualan para ulama pengarang pada zaman silam untuk dijadikan panduan hidup kita pada masa kini.

NOTA

- ¹ Lihat Shaykh Nur al-Din al-Raniri, 1937. *al-Sirat al-Mustaqim Fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Shafi'i radiy Allah 'anhu*. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladihi, hlm. 3
- ² *Ibid.*, hlm. 3
- ³ Lihat M. B. Hooker, 1985. "The Translation of Islam into Southeast Asia" dlm. *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapura, hlm. 11.
- ⁴ Lihat Ahmad b. Hajar al-Haytami, 1987. *al-Minhaj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah fi al-Fiqh al-Shafi'i*. Damshik: Dar al-Fayha', hlm. 30. Shams al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib al-Sharbini, 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 139. Ahmad b. Hajar al-Haytami, 2005. Jilid 1. Fath al-Jawwad Bi Sharh al-Irshad. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 45.
- ⁵ Lihat Jamalluddin bin Hashim, 2011. "*Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri (Kitab al-Taharah dan al-Salah): Teks dan Analisis*". Tesis PhD, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 294.
- ⁶ Lihat William Marsden, 1812. *Dictionary of the Malayan Language*. London: Cox and Baylis, hlm. 249. R.J. Wilkinson, 1985. *Manuskrip Klasik Kamus Jawi Melayu Inggeris (A Classic Jawi Malay-English Dictionary)*. Melaka: Penerbit Baharudinjoha, hlm. 495. *Kamus Dewan*, 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 675.
- ⁷ Lihat Wahyunah Hj. Abd. Gani, 1991. *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 88. *Kamus Dewan*, 1993, hlm. 396. *Kamus*

- Bahasa Melayu Nusantara*, 2003. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, hlm. 881.
- ⁸ *Lihat* Sylvia Fraser-Lu, 1989. *Silverware of South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 26.
- ⁹ *Lihat* Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 30. *al-Khatib al-Sharbini*, 1994. Jilid 1, hlm. 139. Shihab al-Din Abu ‘Abbas Ahmad b. Muhammad b. Muhammad b. ‘Ali b. Hajar al-Haytami, 1996. *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 196-99. Ibn Hajar al-Haytami, 2005. Jilid 1, hlm. 45. Yusuf b. Ibrahim al-Ardabili, 2006. Jilid 1. *al-Anwar li A‘mal al-Abrar*. Kuwait: Dar al-Diya‘ li al-Tiba‘ah wa al-Tawzi‘, hlm. 32.
- ¹⁰ *Lihat* Muhammad Idris ‘Abd al-Ra‘uf al-Marbawi, t.t. Jilid 1. *Qamus al-Marbawi*. T.T.P : Dar al-Fikr, hlm. 33.
- ¹¹ *Lihat* Sylvia Fraser-Lu, 1989, hlm. 4. Dawn F. Ronney, 1993. *Betel Chewing Traditions in South-East Asia*. New York: Oxford University Press, hlm. 13-14. Dawn F. Ronney, 1995. “Betel Chewing in South East Asia”. Kertas kerja di Centre National de la Recherche Scientifique (CNRS) di Lyon France, Ogos 1995), hlm. 5.
- ¹² *Lihat* Dawn F. Ronney, 1993, hlm. 2.
- ¹³ *Lihat* Jamalluddin bin Hashim, 2011, hlm. 295.
- ¹⁴ Zirah: baju rantai. *Lihat* Frank A. Sweetenham, 1887. *Vocabulary of The English and Malay Languages with Note*. London: W. B. Whittingham & Co., hlm. 128. Winsteadt *et al.*, 1921. *Kitab Loghat Melayu*. Singapore: Kelly & Walsh Limited Press, hlm. 73. Yaakob Isa, 1997. *Kamus Bahasa Melayu Klasik*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd., hlm. 216.
- ¹⁵ Sergap: menyerang (menyerbu, menerpa dan sebagainya) secara tiba-tiba atau mengejut. *Lihat* R.O. Winsteadt *et al.*, 1921, hlm. 78. Yaakob Isa, 1997, hlm. 172.
- ¹⁶ *Lihat* Jamalluddin bin Hashim, 2011, hlm. 299.
- ¹⁷ *Lihat* R.O. Winsteadt *et al.*, 1921, hlm. 101. R.J. Wilkinson. 1953. *A Malay-English Dictionary (Romanised)*. Jilid 2. London: MacMillan & Co. Ltd, hlm. 912. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, hlm. 2126.
- ¹⁸ *Lihat* Siti Zainon Ismail, 2006. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 81, 82, 28-82.
- ¹⁹ *Lihat* Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, <http://sultan.perak.gov.my/bahasa/pontoh.htm>., 24 Mei 2010.
- ²⁰ *Lihat* Siti Zainon Ismail, 2006, hlm. 81.
- ²¹ *Ibid.*, hlm. 281-82.
- ²² *Lihat* R.O. Winsteadt *et al.*, 1921, hlm. 61. Yaakob Isa, 1997, hlm. 41. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, hlm. 626.
- ²³ *Lihat* Mohd Kassim Haji Ali, 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 96-98. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Jilid 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 672. Siti Zainon Ismail, 2006, hlm. 279. Mohd Kassim Haji Ali, 2008. *Traditional Malaysian*

- Jewellery*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, hlm. 78-79. Mohd Kassim Haji Ali, t.t, hlm. 1-18.
- ²⁴ *Lihat* Mohd Kassim Haji Ali, 1990, hlm. 96-98. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999. Jilid 1, hlm. 672. Siti Zainon Ismail, 2006, hlm. 279. Mohd Kassim Haji Ali, 2008, hlm. 78-79. Mohd Kassim Haji Ali, t.t, hlm. 1-18.
- ²⁵ *Lihat Kamus Dewan*, 1993, hlm. 1183. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, hlm. 2501.
- ²⁶ Sebuah laman sesawang dari Universiti Kebangsaan Australia yang bertujuan mengkaji karya-karya klasik dunia Melayu.
- ²⁷ Berdasarkan carian perkataan “seresari” dalam laman sesawang Malay Concordance Project, <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, 24 Mei 2010
- ²⁸ *Lihat* Yaakob Isa, 1997, hlm. 40. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, hlm. 601.
- ²⁹ *Lihat* Siti Zainon Ismail, 2006, hlm. 83. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kain+sutera&d=8>, 24 Mei 2010.
- ³⁰ *Lihat* Siti Zainon Ismail, 2006, hlm. 83. Juga berdasarkan carian perkataan ‘dewangga’ dalam laman sesawang Malay Concordance Project, <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, 24 Mei 2010.
- ³¹ *Lihat* Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 81. *al-Khatib al-Sharbini*, 1994. Jilid 1, hlm. 225.
- ³² *Lihat* al-Khatib al-Sharbini, 1994. Jilid 1, hlm. 225. al-Kaf, 2003, hlm. 126
- ³³ *Lihat Kamus Dewan*, 1993, hlm. 55.
- ³⁴ *Lihat* Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 81. *al-Khatib al-Sharbini*, 1994. Jilid 1, hlm. 225.
- ³⁵ *Lihat* Muhammad b. Hamud al-Wa’ili, 1410H. *Hukm al-Shari’ah al-Islamiyyah fi al-Muskirat wa Turuq Mukafahatiha wa Athariha al-Darraah Sihiiyyan wa Ijtima’iyyan wa Iqtisadiyyan*. Madinah: Universiti Islam Madinah, hlm. 7-9
- ³⁶ *Lihat* Jamalluddin bin Hashim, 2011, hlm. 302.
- ³⁷ *Ibid.*, hlm. 424.
- ³⁸ *Ibid.*, hlm. 305.
- ³⁹ *Lihat Kamus Dewan*, 1993, hlm. 55.
- ⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 1389.
- ⁴¹ *Lihat* D. Iken *et al.*, 1929. *Kitab Arti Logat Melajoe*. Bandoeng: N. V. Boekh. Visser & Co, hlm. 168. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, 1989, hlm. 440.
- ⁴² *Lihat The World Book Encyclopedia*, 1987. Jilid 4. Amerika Syarikat: World Book, Inc., hlm. 595. Shigehiro Ikegami, 1997. “Tuak dalam Masyarakat Batak Toba: Laporan Singkat tentang Aspek Sosial-budaya Penggunaan Nira” dlm. *Annual Report of the University of Shizuoka, Hamamatsu College* No.11-3, Part 5, hlm. 3. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999. Jilid 4, hlm. 2492. *Ensiklopedia Dunia Melayu*, 1997. Jilid 4, hlm. 260. *The New Encyclopedia Britannica*, 2005. Jilid 3. Amerika Syarikat: Encyclopedia Britannica, Inc., hlm. 424. Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Palm_wine. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Tuak>, (Capaian 18 Mei 2010).

- ⁴³ Lihat *The Encyclopedia Americana*, 1990. Jilid 21. Amerika Syarikat: Grolier Incorporated, 1990, hlm. 320. *Ensiklopedia Sejarah dan Dunia Melayu*, 1999. Jilid 4, hlm. 260.
- ⁴⁴ Lihat *al-Khatib al-Sharbini*, 1994. Jilid 1, hlm. 160. al-Kaf, 2003, op. cit., hlm. 105.
- ⁴⁵ Lihat Jamalluddin bin Hashim, 2011, hlm. 318.
- ⁴⁶ Lihat R.O. Winstedt, 1977. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press, hlm.
- ⁴⁷ Liaw Yock Fang, 1978. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional, hlm. 49. Jihaty Abadi *et al.*, 1982. *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisi-Moden)*. Kuala Lumpur : Penerbitan Adabi Sdn. Bhd, hlm. 26-27.
- ⁴⁸ Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 101-02. Harun Mat Piah *et.al*, 2006, hlm. 176-78.
- ⁴⁹ Lihat Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 71. *al-Khatib al-Sharbini*, 1994. Jilid 1, hlm. 162. Ibn Hajar al-Haytami, 2005, Jilid 1, hlm. 74.
- ⁵⁰ Penjelmaan dewa dalam dunia untuk menyelamatkan manusia. Dalam Ramayana, Vishnu menjelma dalam bentuk Rama. Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 135.
- ⁵¹ Hukum moral dan keagamaan dalam agama Buddha dan Hindu. Dalam agama Hindu, dharma membentuk peraturan tanggungjawab dan perlakuan etika bagi semua orang. Dharma dalam agama Hindu juga mengariskan tanggungjawab empat kasta utama yang membentuk masyarakat Hindu. Lihat *Ensiklopedia Dunia*, 2005. Jilid 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm.181-82.
- ⁵² Perputaran kelahiran seseorang. Seseorang itu dilahirkan, menderita dan mati, kemudian dilahirkan kembali berdasarkan amalannya yang terdahulu. Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 135.
- ⁵³ Memperoleh kebebasan daripada perputaran kelahiran kerana amalan menurut ajaran agama Hindu telah dilaksanakan. Dalam tingkatan ini manusia dapat menjadi Brahman, atau bersatu dengannya, dan mengecap hidup yang bahagia dan abadi. Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 135.
- ⁵⁴ Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 127.
- ⁵⁵ Lihat Mustafa Mohd Isa, 1999. *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia, hlm. 60.
- ⁵⁶ Lihat Ismail Hamid, 1987, hlm. 101-02. Harun Mat Piah *et.al*, 2006, hlm. 181-82.
- ⁵⁷ Lihat *Edisi Kritikal Teks al-Sirat al-Mustaqim (Kitab al-Taharah dan al-Salah)*, hlm. 448.
- ⁵⁸ Lihat William Marsden, 1812, hlm. 147. R.O. Winsteadt *et al.*, 1921, hlm. 67 dan 68. R.J. Wilkinson, 1953. Jilid. 2, hlm. 965. G.W.J. Drewes, 1987. *Reality? Or Delusion?* Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde, hlm. 366. *Kamus Dewan*, 1993, hlm. 88, 121 dan 1053. *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003, hlm. 2259. *Kamus Dewan*, hlm. 1053, 88 dan 121.
- ⁵⁹ Lihat W. E. Maxwell, 1997. "Management Of Elephants" dlm. *Notes and Queries*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, hlm. 46. *The New Encyclopedia Britannica*, 2005. Jilid 23, hlm. 435. Wikipedia, <http://ms.wikipedia.org/>

- wiki/Rengga, 19 Mei 2010. Juga berdasarkan carian perkataan “rengga” dalam laman sesawang Malay Concordance Project, <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, 19 Mei 2010.
- ⁶⁰ Lihat Wikipedia, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Rengga>, 19 Mei 2010. Juga berdasarkan carian perkataan “rengga” dalam laman sesawang Malay Concordance Project, <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, 19 Mei 2010.
- ⁶¹ Lihat G.W.J. Drewes, 1987, *op. cit.*, hlm. 366.
- ⁶² Lihat W.E. Maxwell, 1997. “The Malay Howdah” dlm. *Notes and Queries*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, hlm. 65.
- ⁶³ Tempat duduk atas unta berkanopi untuk wanita. Lihat ‘Abd al-Fattah al-Su‘aydi *et al.*, 1987. *al-Ifsah Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hlm. 366.
- ⁶⁴ Tempat duduk atas unta berkanopi lebih besar daripada *al-hawdaj*. Kenderaan ini digunakan secara meluas di Hijjaz oleh orang Arab untuk membawa jemaah haji ke Bayt Allah. Lihat ‘Abd al-Fattah al-Su‘aydi *et al.*, 1987, hlm. 366. Ibrahim Anis *et al.*, t.t.. *al-Mu‘jam al-Wasit*. T.T.P, hlm. 488.
- ⁶⁵ Tempat duduk atas unta tidak berkanopi untuk wanita. Lihat ‘Abd al-Fattah al-Su‘aydi *et al.*, 1987, hlm. 366.
- ⁶⁶ Tempat duduk atas unta tidak berkanopi. Lihat Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 184.
- ⁶⁷ Lihat ‘Abd al-Fattah al-Su‘aydi *et al.*, 1987, hlm. 365-67.
- ⁶⁸ Lihat Ibn Hajar al-Haytami, 1987, hlm. 184.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Fattah al-Su‘aydi *et al.*, 1987. *al-Ifsah Fi Fiqh al-Lughah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ahmad b. Hajar al-Haytami, 1987. *al-Minhaj al-Qawim Sharh al-Muqadimmah al-Hadramiyyah fi al-Fiqh al-Shafi‘i*. Damshik: Dar al-Fayha’.
- Ahmad b. Hajar al-Haytami, 2005. *Fath al-Jawwad Bi Sharh al-Irshad*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- D. Iken *et al.*, 1929. *Kitab Arti Logat Melajoe*. Bandoeng: N. V. Boekh. Visser & Co
- Dawn F. Ronney, 1993. *Betel Chewing Traditions in South-East Asia*. New York: Oxford University Press.
- Dawn F. Ronney, 1995. “Betel Chewing in South East Asia”. Kertas kerja di Centre National de la Recherche Scientifique (CNRS) di Lyon France, Ogos 1995.
- Ensiklopedia Dunia*, 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1999. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Frank A. Sweetenham, 1887. *Vocabulary of the English and Malay Languages with Note*. London: W. B. Whittingham & Co.
- G.W.J. Drewes, 1987. *Reality? Or Delusion?* Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.

- Ibrahim Anis *et al.* t.t. *al-Mu'jam al-Wasit*, T.T.P, h. 488.
- Jamalluddin Hashim, 2011. “*Kitab Al-Sirat Al-Mustaqim Karangan Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri (Kitab Al-Taharah dan Al-Salah): Teks Dan Analisis*”. Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Jihaty Abadi *et al.*, 1982. *Sari Sejarah Kesusasteraan Melayu-Indonesia (Tradisi-Moden)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd
- Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, 2003. Negara Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Kamus Dewan*, 1993. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*, 2007. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang, 1978. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- M.B. Hooker, 1985. “The Translation of Islam into Southeast Asia” dlm. *Readings On Islam in Southeast Asia*. Singapura
- Malay Concordance Project dlm. <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, (Capaian 19 Mei 2010).
- Malay Concordance Project dlm. <http://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>, (Capaian 24 Mei 2010).
- Mohd Kassim Haji Ali, 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mohd Kassim Haji Ali, 2008. *Traditional Malaysian Jewellery*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Muhammad b. Hamud al-Wa'ili, 1410H. *Hukm al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-Muskirat wa Turuq Mukafahatiha wa Athariha al-Darraah Sihiyyan Wa Ijtima'iyyan wa Iqtisadiyyan*. Madinah: Universiti Islam Madinah
- Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi, t.t. *Qamus al-Marbawi*. Jilid 1. T.T.P: Dar al-Fikr.
- Mustafa Mohd Isa, 1999. *Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak <http://sultan.perak.gov.my/bahasa/pontoh.htm>., 24 Mei 2010.
- PusatRujukanPersuratanMelayu, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kain+sutera&d=8>, 24 Mei 2010.
- R. J. Wilkinson, 1953. *A Malay-English Dictionary (Romanised)*. Jilid 2. London: MacMillan & Co. Ltd.
- R.J. Wilkinson, 1985. *Manuskrip Klasik Kamus Jawi Melayu Inggeris (A Classic Jawi Malay- English Dictionary)*. Melaka: Penerbit Baharudinjoha.
- R.O. Winstedt, 1977. *A History of Classical Malay Literature*. London: Oxford University Press.
- Shams al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib al-Sharbini, 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Shaykh Nur al-Din al-Raniri, 1937. *al-Sirat al-Mustaqim Fi Fiqh Madhhab al-Imam al-*

- Shafi'i radiy Allah 'anhu*. Mesir: Sharikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladihi.
- Shigehiro Ikegami, 1997. "Tuak dalam Masyarakat Batak Toba: Laporan Singkat tentang Aspek Sosial-budaya Penggunaan Nira" dlm. *Annual Report of the University of Shizuoka*. Hamamatsu College
- Shihab al-Din Abu 'Abbas Ahmad b. Muhammad b. Muhammad b. 'Ali b. Hajar al-Haytami, 1996. *Tuhfah al-Muhtaj Bi Sharh al-Minhaj*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Siti Zainon Ismail, 2006. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sylvia Fraser-Lu, 1989. *Silverware of South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press
- The Encyclopedia Americana*, 1990. Amerika Syarikat: Grolier Incorporated.
- The New Encyclopedia Britannica*, 2005. Amerika Syarikat : Encyclopedia Britannica, Inc.
- The World Book Encyclopedia*, 1987. Amerika Syarikat : World Book, Inc.
- W. E. Maxwell, 1997. "Management of Elephants" dlm. *Notes and Queries*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- W.E. Maxwell, 1997. "The Malay Howdah" dlm. *Notes and Queries*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
- Wahyunah Hj. Abd. Gani, 1991. *Panduan Kosa Kata Sastera Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wikipedia, http://en.wikipedia.org/wiki/Palm_wine. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Tuak>, (Capaian 18 Mei 2010).
- Wikipedia, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Rengga>, (Capaian 19 Mei 2010).
- William Marsden, 1812. *Dictionary Of The Malayan Language*. London: Cox and Baylis.
- Winsteadt *et al.*, 1921. *Kitab Loghat Melayu*. Singapore: Kelly & Walsh Limited Press.
- Yaakob Isa, 1997. *Kamus Bahasa Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Yusuf Ibrahim al-Ardabili, 2006. *al-Anwar li A'mal al-Abrar*. Jilid 1. Kuwait Dar al-Diya' li al-Tiba'ah wa al-Tawzi'.